



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**PENGURUSAN TAMAN KINABALU SEBAGAI TAPAK
WARISAN DUNIA**

CAROLLINE JUMIN

(51373)

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan
dengan Kepujian**

(Pengurusan Seni)

2018

PENGURUSAN TAMAN KINABALU SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA

CAROLLINE JUMIN

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: **PENGURUSAN TAMAN KINABALU SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA**

SESI PENGAJIAN :2017/2018

Saya : **CAROLINE JUMIN**

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Carol

Tandatangan Penulis
Tarikh : 8 June 2018

Alvin
Tandatangan Penyelia
Tarikh : 8/6/2018

Alamat tetap :
SK Bundu Tuhan,
Peti surat 38, 89307,
Ranau, Sabah.

Catatan. *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Pengurusan Taman Kinabalu sebagai Tapak Warisan Dunia**' telah disediakan oleh **Carolline Jumin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

Prof Madya Dr Noria Anak Tugang
Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh:.....

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengurusan yang dijalankan oleh Taman Kinabalu terutamanya dari segi konservasi. Hal ini kerana masih ada berlaku pengeksploasi sumber alam di Taman Kinabalu. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan melakukan kerja lapangan, temubual sebanyak 4 orang informan dalam bidang pengurusan Taman Kinabalu dan mengedarkan borang soal selidik sebanyak 300 set. Kesan daripada kajian ini telah memberi informasi yang sangat berguna kepada masyarakat sekitar untuk memahami matlamat yang ingin Taman Kinabalu capai bersama dengan komuniti sekitar.

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the management carried out by Kinabalu Park especially in terms of conservation. This is due to the fact that there are still potential explosives in Kinabalu Park. The researcher used qualitative and quantitative methods by conducting fieldwork, interviewing 4 informants in Kinabalu Park management field and distributing questionnaires as much as 300 sets. The impact of this study has provided useful information to the surrounding community to understand the goals of Taman Kinabalu to achieve with the surrounding community.

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah berkatnya, kajian ilmiah ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada Prof Madya Dr Noria Anak Tugang selaku penyelia projek kerana sabar memberikan bimbingan, dorongan, semangat, nasihat, kritik dan tunjuk ajar sepanjang menjalankan kajian ilmiah ini bagi tahun 2017 dan 2018. Penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sarawak kerana memberi kesempatan kepada saya serta menyediakan fasiliti dan kemudahan sedia ada.

Begitu juga kepada pihak Taman-taman Sabah kerana memberi saya peluang untuk menjalankan kajian ilmiah di Taman Kinabalu, terutamanya Encik Yassin Miki, Puan Maureen Jane Tapuong, Encik Alim Biun, dan Puan Norlina Mohd Din kerana sudi meluangkan masa dan memberi maklumat yang diperlukan. Terima kasih diucapkan kepada kakitangan Taman Kinabalu kerana membantu saya mendapatkan info.

Jutaan terima kasih dan penghargaan saya tujukan kepada keluarga kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang saya menyiapkan kajian. Selain itu, jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan khas saya tujukan kepada Brilliance Daryl Bin Goromon dan Lea Dieola Dohny kerana tidak putus-putus memberi nasihat, sokongan, tunjuk ajar serta banyak berkorban untuk meluangkan masa bersama saya sepanjang menjalankan kajian di Taman Kinabalu.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan seperjuangan dan rakan sekelas di bawah seliaan Prof Madya Dr Noria Anak Tugang atas pertolongan, tunjuk ajar dan motivasi yang diberikan. Terima kasih kerana memahami dan kerjasama yang diberikan

SENARAI KANDUNGAN

Pengakuan	i
Pengesahan	ii
Abstrak	iii-iv
Penghargaan	v
BAB 1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan masalah	3
Objektif penyelidikan	4
Konsep dan teoritikal	5
Kepentingan penyelidikan	8
Limitasi penyelidikan	8
Lokasi penyelidikan	9
Skop kajian	10
Masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan penyelidikan	10
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	11
Pengenalan	11
Konsep	11
Pengurusan	12
Lanskap yang dilindungi	12
Ekopelancongan	13
Warisan kebudayaan	13
Teoritikal	14
Pengurusan	14
Lanskap yang dilindungi	16
Ekopelancongan	17
Warisan kebudayaan	19
Rumusan	21
BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	22
Pengenalan	22
Kaedah yang digunakan	22
Kaedah keperpustakaan	22
Kaedah kualitatif	23
Kaedah kuantitatif	23
Instrumen kajian	24
Prosedur dalam menjalankan penyelidikan	25
Rumusan	26
BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	27
Pengenalan	27
Analisis data	28
Data kuantitatif	28
Data kualitatif	39
Perbincangan	48
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	57
Kesimpulan	57
Cadangan	59
RUJUKAN	60
LAMPIRAN	63

SENARAI RAJAH, CARTA, GAMBAR DAN JADUAL

Carta 1.4.1 : Konsep

Gambar 1.7.1 : Peta Taman Kinabalu

Carta 2.1.1 : Konsep dalam penyelidikan

Carta 3.2.1 :Proses menjalankan penyelidikan

Rajah 4.2.1.1 : Demografi responden

Rajah 4.2.1.2 : Status responden

Rajah 4.2.1.3 : Umur pengunjung yang datang ke Taman Kinabalu

Rajah 4.2.1.4 : Tahap pendidikan responden

Rajah 4.2.1.5 : Pekerjaan responden

Rajah 4.2.1.6 : Bangsa responden

Rajah 4.2.1.7 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.8 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.9 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.10 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.11 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.12 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.13 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.14 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.15 : Analisis jawapan responden

Rajah 4.2.1.16 : Analisis jawapan responden

Jadual 4.2.1.17 : Taburan Silang antara umur dan pernyataan soalan

Jadual 4.2.1.18 : Taburan Silang antara umur dan pernyataan soalan

Jadual 4.2.1.19 : Taburan Silang antara umur dan pernyataan soalan

Jadual 4.2.1.20 : Taburan Silang antara umur dan pernyataan soalan

Gambar 4.2.2.1 : Pengkaji bersama Encik Yassin Miki (Pengurus Taman)

Gambar 4.2.2.2 : Sesi temubual bersama dengan Encik Alim Biun

Gambar 4.3.1.1 : Pengkaji bersama pembantu di Pusat Informasi di Galeri

Gambar 4.3.1.2 : Visi dan Misi Taman Kinabalu. Diambil di Galeri Informasi.

Gambar 4.3.2.1 : Pengkaji bersama pelancong dari India

Gambar 4.3.2.2 Risalah Zon Ecolinc Kinabalu berkenaan konservasi di zon-zon yang terlibat

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pelancongan merupakan sektor yang sangat penting kepada sesebuah negara kerana mampu meningkatkan ekonomi. Aktiviti yang boleh dilakukan adalah melawat tempat berkonsepkan kebudayaan, sukan darat, udara dan air, serta kesihatan. Ekopelancongan selalu digunakan dalam pelancongan berkonsepkan alam semula jadi dengan melakukan konservasi persekitaran secara langsung memberi kelebihan kepada budaya dan masyarakat tempatan, juga memberi pengalaman positif, memberi informasi yang berguna kepada pelancong. Kesan daripada ekopelancongan ini membawa kepada alternatif sesuatu organisasi untuk melakukan pemampanan pelancongan.

Sabah merupakan negeri yang terkenal dengan sektor ekopelancongan kerana kaya dengan sumber alam semulajadi yang masih terpelihara dalam keadaan baik, sejarah, budaya, bahasa, masyarakat, etnik, makanan dan sumber marin. Pakej ekopelancongan ini telah mendorong kepada kemasukan pelancong dari dalam dan luar negara untuk berkunjung bagi menikmati dan merasai sendiri pengalaman semasa berada di Sabah. Kebanyakan pelancong yang datang ke Sabah adalah dari negara China, Singapura dan Korea. Salah satu tempat yang selalu menjadi tumpuan pengunjung adalah Taman Negara Kinabalu.

Taman Kinabalu pernah mendapat anugerah oleh badan UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization) sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia pada Disember 2000 kerana memiliki kecantikan alam yang masih terpelihara. Anugerah ini diberikan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai untuk menjaga alam sekitar bagi tatapan generasi akan datang. Secara amnya, Taman ini dikenali melalui tiga ciri utama iaitu ekosistem tidak diganggu oleh aktiviti manusia yang mana haiwan, tapak geologi serta tumbuhan masih dalam keadaan baik. Autoriti diberikan kepada negara untuk mengelak

eksploitasi demi menjaga sepenuhnya kawasan yang diwartakan. Selain itu, pengunjung ataupun pelancong dibenarkan untuk masuk ke dalam mengikut syarat tertentu bagi tujuan pendidikan, kebudayaan dan rekreasi.

Terdapat banyak fasiliti dan kemudahan yang disediakan untuk pengunjung antaranya restoran dan kedai cenderamata yang dikendalikan oleh Sutera Sanctuary Lodges (SSL), pengangkutan yang diurus oleh KOKTAS dan lodge. Lain daripada itu, perkhidmatan malim gunung juga ditawarkan kepada pengunjung yang ingin mendaki Gunung Kinabalu. Taman ini kaya dengan pelbagai jenis flora daripada Himalaya, Australia, China dan Malaysia lalu dikelaskan sebagai Pusat Kepelbagaian Tumbuhan Asia Tenggara. Antara jenis tumbuhan sangat jarang ditemui adalah bunga Rafflesia iaitu bunga terbesar di dunia.

Taman Kinabalu merupakan taman yang pertama diwartakan di Borneo Utara serta diurus oleh Taman Sabah. Pada tahun 1964, Taman Kinabalu telah diwartakan melalui Ordinan Taman Negara. Dahulunya, Taman Kinabalu memiliki keluasan sebesar 754 sq km namun keluasan bertambah kepada 780 sq km pada tahun 1970. Tujuan Taman diwartakan adalah untuk melindungi flora dan fauna yang masih belum diterokai di samping menjaga Gunung Kinabalu.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pernyataan masalah dalam penyelidikan ini adalah mengenai pengurusan Taman Kinabalu dari segi konservasi taman untuk melindungi alam semula jadi daripada ancaman bahaya sebagai contoh penebangan kayu dan kegunaan tanah untuk aktiviti pertanian. Ancaman ini adalah daripada masyarakat tempatan sendiri serta daripada pelancong. Menurut Mojiol et al (2016), salah satu kebimbangan besar adalah aktiviti pertanian yang tidak terkawal iaitu masyarakat bersetuju untuk menyokong usaha konservasi hutan tetapi tidak melihat penebangan pokok sebagai salah satu ancaman kepada taman dilindungi.

Seterusnya, kesedaran masyarakat terhadap usaha konservasi di Taman Kinabalu perlu dipertingkatkan lagi kerana menurut Kaung (2011) dalam laman web *freemalaysiatoday.com* , banyak tanah telah dibersihkan untuk dijadikan sebagai tujuan pertanian oleh penduduk sekitar dan sesetengah pemilik resort atau restoran mengupah penduduk kampung untuk membersihkan kawasan untuk tujuan tertentu.

Selain itu, Taman Kinabalu juga sedang dalam usaha untuk mencapai status '*Global Geopark*'. Menurut Jamili dalam berita Utusan Online (2017), pelbagai usaha akan dilakukan bersama dengan komuniti untuk mencapai status ini selaras dengan konsep '*Global Geosite*' iaitu memupuk ikatan antara alam sekitar dan masyarakat. Taman Negara Kinabalu akan merangka strategi untuk mencapai reputasi tersebut.


1.3 OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Pengkaji telah menetapkan tiga objektif untuk dicapai dalam kajian ini iaitu yang pertama ingin mengenal pasti pengurusan Taman Kinabalu dari segi konservasi. Menurut Pedersen (2002), pengurusan mempengaruhi fizikal, tahap eksploitasi alam semula jadi sesuatu tapak, dan sosio-ekonomi untuk mengurangkan impak setiap pengunjung yang mana mengawal jumlah kedatangan pengunjung, jenis aktiviti dan tingkah laku pengunjung. Hal ini kerana pengurusan memberi impak yang sangat besar kepada reputasi Taman Kinabalu untuk terus memberi servis yang baik kepada pengunjung.

Objektif yang kedua adalah untuk mengetahui tahap kesedaran masyarakat terhadap usaha konservasi yang dilakukan oleh Taman Kinabalu. Menurut Brandon et al. (1998) & Hocking et al. (2000), yet few parks have established system to evaluate management effectiveness or to determine whether they are conserving the biodiversity as they say. Pengurusan konservasi amat penting untuk dilakukan terutamanya tapak yang dikategorikan sebagai warisan dunia agar taman ini sentiasa dipelihara dan dipulihara.

Seterusnya, meneliti strategi Taman Kinabalu untuk mencapai status '*Global Geopark*'. Menurut Henriques & Brilha (2016), Geoparks are innovative ways to envisage nature conservation, land-use planning, and sustainable development of local communities. Taman Kinabalu telah merancang untuk mencapai status tersebut dengan merangka pelbagai strategi.

1.4 KONSEP DAN TEORITIKAL



Carta 1.4.1 : Konsep

1.4.1 Pengurusan

Pengurusan harus mempunyai objektif yang jelas dan polisi untuk dijadikan panduan dalam mengurus kawasan yang sensitif terhadap ancaman serta memastikan sifat natural, tapak arkeologi, dan nilai sejarah dapat dilindungi. Setiap kawasan yang dilindungi wajib mengaplikasikan undang-undang dan polisi untuk melakukan konservasi terhadap kualiti persekitaran bagi generasi kini dan akan datang serta mengambil kira keperluan sosial, ekonomi dan budaya masyarakat setempat. Pengurusan seharusnya dipantau untuk menilai objektif utama adalah munasabah dan pengurusan berjaya serta pendekatan yang dilakukan adalah bersesuaian (Lucas, 1992).

1.4.2 Lanskap yang dilindungi

Taman Kinabalu merupakan taman yang dilindungi kerana kaya dengan biodiversiti. Tujuan lanskap ini dilindungi kerana ingin mengelakkan berlaku kerosakan kepada keharmonian antara manusia dan persekitaran. Perlindungan juga diberikan kepada spesies dan habitat serta bebas dari sebarang eksploitasi. Menurut Lucas (1992) dalam buku 'Protected Landscapes: A guide for policy-makers and planners' mengatakan bahawa lanskap yang dilindungi adalah kawasan yang mempunyai langkah undang-undang untuk menghadkan manusia daripada mengambil tumbuhan dan haiwan di kawasan tertentu termasuklah Taman, lanskap yang dilindungi, rizab biosfera, rizab permainan, dan kawasan pelbagai guna.

1.4.3 Ekopelancongan

Ekopelancongan merupakan aktiviti yang menjana ekonomi melalui sektor pelancongan. Pelancongan telah menjadi aktiviti global yang terbesar di pelbagai negara termasuk Malaysia iaitu pengunjung akan membayar untuk digunakan dalam koservasi alam semula jadi serta meningkatkan nilai tanah yang lain.

1.4.4 Warisan kebudayaan

Warisan kebudayaan terbahagi kepada dua iaitu warisan ketara dan tidak ketara. Warisan ketara adalah seperti monument, tekstil, tarian, dan artifak manakala warisan tidak ketara lebih kepada nyanyian, pantun, dan lagenda. Warisan kebudayaan lebih banyak menarik pengunjung datang kerana menarik minat pengunjung yang ingin merasai sendiri budaya sesuatu tempat. Taman Negara Kinabalu merupakan warisan kebudayaan yang perlu dijaga. Masyarakat Dusun yang berada di sekitar Taman Negara Kinabalu percaya bahawa Gunung Kinabalu adalah suci serta merupakan

tempat roh-roh ini bersemadi. Menurut cerita nenek moyang, masyarakat Dusun yang telah meninggal akan singgah ke puncak Gunung Kinabalu sebelum masuk ke dunia akhirat. Roh ini akan meninggalkan bekas iaitu kesan cakaran pada batu di puncak gunung dan masih boleh dilihat sehingga kini. Terdapat pantang larang yang harus diikuti oleh pengunjung yang ingin mendaki Gunung Kinabalu kerana jika melanggar pantang larang ini semangat tersebut akan marah lalu menyebabkan perkara ganjil kepada si pelaku seperti muntah darah. Menurut Wong dan Phillipps (1998) dalam buku berjudul '**Kinabalu: Summit of Borneo**' mengatakan bahawa setiap penulis yang beliau telah kaji menyatakan masyarakat Dusun kerap melakukan persembahan ritual untuk setiap pendakian bersama dengan malim gunung. Persembahan ritual ini semakin kompleks setiap tahun dan menjadi tradisi. Persembahan ini akan menyediakan tujuh biji telur ayam dan tujuh ekor ayam putih untuk dijadikan korban kepada semangat yang ada di Gunung Kinabalu.

1.5 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini penting untuk dijadikan rujukan untuk para penyelidik akan datang yang ingin mengetahui ataupun mengkaji Taman Kinabalu. Selain itu, penyelidikan ini dilakukan untuk menyelidik lebih dalam mengenai isu-isu yang ada di Taman Kinabalu bagi mengetahui langkah menangani masalah tersebut.

1.6 LIMITASI PENYELIDIKAN

Bagi menyiapkan penyelidikan ini, pengkaji memiliki masalah dari segi masa. Pengkaji menghadapi kekangan masa untuk melakukan kajian lapangan di Taman Negara Kinabalu secara terperinci. Lain daripada itu, pengkaji juga mempunyai masalah dalam membuat borang soal selidik kepada responden.

1.7 LOKASI PENYELIDIKAN



Gambar 1.7.1 : Peta Taman Kinabalu.

Sumber : Kinabalu Park, World Heritage Site (n.d)

Penyelidikan ini dijalankan di Sabah. Lokasi ini bertempat di daerah Kundasang, Ranau. Pengkaji mengambil Taman Kinabalu sebagai tempat kajian kerana jarak rumah pengkaji dengan kawasan penyelidikan mengambil masa selama 15 minit sahaja. Hal ini memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada penduduk sekitar, pelancong serta staff Taman Kinabalu. Selain itu, perjalanan dari Kota Kinabalu untuk sampai ke Taman Negara Kinabalu adalah selama 2 jam 21 minit (85.5 km). Antara kampung yang berdekatan dengan lokasi penyelidikan adalah Kampung Bundu Tuhan, Ranau dan Kampung Batu 36.

1.8 SKOP PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini hanya menfokuskan kepada Taman Kinabalu di mana pengkaji akan mengenal pasti dari segi pengurusan serta pengurusan konservasi alam sekitar yang dilakukan oleh Taman Kinabalu dalam usaha memelihara serta memulihara. Selain itu, pengkaji juga akan mengukur pengetahuan masyarakat terhadap usaha konservasi yang dijalankan oleh pihak Taman dengan menyediakan borang soal selidik kepada responden yang berada di sekitar Taman Kinabalu dan mengambil sebanyak 5 informan yang terdiri daripada staff Taman Kinabalu.

1.9 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI SEMASA MENJALANKAN PENYELIDIKAN

Masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah keadaan cuaca yang tidak menentu seperti hujan lebat menyebabkan pengkaji sukar untuk mencari responden untuk menghasilkan kajian ini. Selain itu, pengkaji sukar untuk mencari responden kerana berlaku gegaran gempa di Gunung Kinabalu. Ini menyebabkan ramai pelancong yang telah pulang seterusnya menjadi cabaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian.


BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Sorotan kesusteraan wajib dijalankan oleh pengkaji untuk meninjau jurnal, artikel atau kajian lepas untuk menambah sumber maklumat melalui kaedah keperustakaan dan bacaan mengenai Taman Kinabalu. Maklumat penting telah diperolehi untuk dimasukkan dalam penyelidikan pengkaji. Meninjau kajian lepas penting dilakukan oleh pengkaji agar tiada kajian serta fokus yang sama dengan pengkaji lepas. Tambahan, pengkaji juga telah mengambil maklumat daripada capaian internet seperti laman rasmi Taman Sabah untuk mengukuhkan maklumat data yang diambil.

2.1 Konsep



Carta 2.1.1 : Konsep dalam penyelidikan

Pengkaji telah menggunakan tiga konsep dalam penyelidikan ini iaitu pengurusan, lanskap yang dilindungi dan ekopelancongan.

2.1.1 Pengurusan

Pengurusan merupakan elemen yang sangat penting dalam sesebuah organisasi kerana menjadi sumber panduan dalam mengelola sumber sedia ada. Pengurusan ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu undang-undang, peraturan, dan polisi. Setiap organisasi perlu mempunyai undang-undang dan pentadbiran untuk membentuk had tertentu. Pihak berkuasa seperti agensi kerajaan selalu terlibat dalam aspek pengurusan. Pengurusan yang berjaya adalah undang-undang dan struktur pentadbiran bersesuaian dengan negara. Kaedah ini memudahkan kerjasama daripada masyarakat setempat dan objektif negara yang mana menjadi sebagai matlamat yang boleh dicapai.

2.1.2 Lanskap yang dilindungi

Lanskap merujuk kepada persekitaran semula jadi di antara alam dan budaya. Alam ini diwarisi daripada generasi terdahulu serta mengandungi bukti kukuh terhadap hubungan lepas, sekarang dan masa akan datang. Manusia dan alam mempunyai pengaruh yang ketara iaitu alam membentuk penduduk, penempatan dan cara hidup justeru manusia menggunakan alam untuk mendapatkan sesuatu seperti makanan yang mana lanskap digunakan dalam kehidupan seharian. Lanskap ini dilindungi bagi mengelakkan berlaku kerosakan keharmonian antara manusia dan alam sekitar. Dalam masa yang sama, konsep ini digunakan untuk mengembangkan ekonomi masyarakat tempatan tanpa menjejaskan keaslian alam, budaya dan nilai sosial.

2.1.3 Ekopelancongan

Ekopelancongan merupakan aktiviti yang menjana ekonomi melalui sektor pelancongan. Pelancongan telah menjadi aktiviti global yang terbesar di pelbagai negara termasuk Malaysia iaitu pengunjung akan membayar untuk digunakan bagi meneruskan konservasi alam semula jadi serta meningkatkan nilai tanah yang lain. Ekopelancongan adalah kompleks dan melibatkan pelbagai pihak seperti pelanggan, pengurus, pembekal dan meningkatkan ekonomi komuniti sekitar. Pengurusan yang sistematik dalam ekopelancongan iaitu bercirikan natural dan kebudayaan meningkatkan lagi daya tarikan sesuatu tempat.

2.1.4 Warisan kebudayaan

Warisan kebudayaan adalah warisan yang diperturunkan dari nenek moyang iaitu cara hidup. Cara ini yang membezakan sesuatu bangsa dengan bangsa lain kerana memiliki identiti mereka yang tersendiri. Kebudayaan ini terbahagi kepada dua iaitu ketara dan tidak ketara. Warisan ketara ini lebih kepada bangunan, pakaian, makanan, kraftangan dan tarian manakala warisan tidak ketara lebih kepada nyanyian, pantun, cerita lagenda, pantang larang dan kepercayaan.

Warisan boleh diklasifikasikan kepada tiga bahagian iaitu bangunan, alam semula jadi dan artifak. Sebagai contoh, Kota A Famosa, War Memorial Kundasang, dan Agnes Keith House merupakan warisan yang memiliki sejarah tersendiri. Dari segi alam semula jadi, Taman Negara Kinabalu dan Taman Negara Gunung Mulu merupakan warisan dunia yang telah mendapat pengiktirafan kerana memiliki keindahan alam sekitar yang unik. Manakala, artifak juga menjadi warisan sesuatu bangsa seperti tekstil. Warisan ini perlu dipelihara agar tidak hilang begitu saja dan menjadi tatapan untuk generasi akan datang.

2.2 Teoritikal

Terdapat beberapa teori yang menyokong objektif kajian ini. Pengkaji akan menyenaraikan teori yang berkenaan dengan penyelidikan ini.

2.2.1 Pengurusan

Teori berkenaan pengurusan telah diambil daripada buku '**Ecotourism**' oleh Lindberg dan Hawkins menyatakan bahawa;

“The strategy will guide the development and management of ecotourism to ensure that the protected area is not overrun and destroyed by tourists, to establish mechanism to generate employment and revenue for the protected area and surrounding communities, and to create opportunities for environmental education for visitor” (Lindberg dan Hawkins, 1993)

Sarjana ini menyatakan strategi akan menjadi panduan untuk pembangunan pelancongan dan pengurusan bagi memastikan kawasan yang diwartakan atau dilindungi tidak terjejas oleh pelancong justeru pengurusan ini digunakan untuk menjana ekonomi untuk kawasan tersebut serta memberi pekerjaan kepada masyarakat sekitar, memberi pendidikan kepada pengunjung terhadap persekitaran. Sesebuah pusat pelancongan perlu ada panduan untuk menguruskan sumber sedia ada agar tidak dieksploitasi oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Untuk menangani perkara ini berlaku, pengurusan amat penting untuk dilaksanakan di samping mampu melakukan

konservasi terhadap alam semula jadi. Pihak pengurusan Taman Negara Kinabalu amat menitikberatkan konservasi serta selalu mencari jalan penyelesaian dalam menangani isu-isu pengurusan. Selain itu, terdapat juga sarjana yang mengatakan mengenai pengurusan ekopelancongan;

“Ecotourism, as a logical component of sustainable development, requires a a multidisciplinary approach, careful planning (both physical and managerial) and strict guideliness and regulations that will guarantee sustainable operation.” (Lindberg and Hawkins, 1993)

Menurut sarjana ini, ekopelancongan adalah satu komponen logikal terhadap pembangunan pemampanan serta memerlukan pendekatan disiplin, perancangan yang teliti dari segi fizikal dan pengurusan dan panduan serta peraturan yang tegas yang boleh menjamin operasi pemampanan. Taman Negara Kinabalu perlu perancangan dan pengurusan yang efektif dalam melaksanakan peraturan agar tidak rosak oleh pelancong yang berkunjung. Oleh itu, pendekatan yang sesuai perlu digunakan demi memastikan kelancaran pengurusan kepada sumber sedia ada.